

# Syamsul pemidato terbaik Nusantara

Peserta Kemboja menang kategori antarabangsa PABM 2009

>>Oleh Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my

**P**USAT Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) menjadi bukti kejayaan peserta tunggal negara dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Shamsul Salleh, 21, apabila dinobatkan sebagai juara pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri (PABM 2009), baru-baru ini.

Daripada 44 peserta iaitu 34 peserta kategori antarabangsa dan 10 kategori Nusantara, hanya lima peserta bagi kategori antarabangsa serta tiga kategori Nusantara berentap di peringkat akhir.

Peserta bagi kategori antarabangsa mewakili Australia, Kemboja, China, Russia dan Belanda manakala

kategori Nusantara pula adalah Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Hujah Mohd Syamsul yang menyampaikan pidatonya bertajuk Kebejatan Moral Petanda Keruntuhan Tamadun bagi kategori Nusantara membolehkannya bergelar juara dengan membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai bernilai AS\$3,000 (RM10,983).

Selain itu, kejayaan berkenaan menambahkan koleksi peribadinya apabila muncul juara Pertandingan Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia kategori bahasa Melayu, johan Pidato Piala Belia Rakan Muda dan johan kategori utama Pertandingan Debat Diraja antara universiti awam Malaysia pada tahun lalu.

Tempat kedua kategori

Nusantara dimenangi Margeretha Chrisnasari, 21, dari Universiti Indonesia dan ketiga, peserta dari Universiti Brunei Darussalam, Kamarudzaman Abdul Jalil, 21.

Tempat pertama kategori antarabangsa dimenangi peserta dari Kemboja, Novacy Sles, 18, dengan tajuk pidato Malaysia Gemilang Di Persada Antarabangsa sekali gus membawa pulang wang tunai AS\$3,000 (RM10,983).

Tempat kedua dan ketiga dimenangi peserta dari Australia serta Belanda iaitu Ayleen O'Hanlon, 22, dan Shabara Alaydrus, 27, yang masing-masing membawa tajuk pidato yang sama iaitu Kecemerlangan Pendidikan Asas Pembangunan Negara.

Hadiah disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



**BANGGA...**Sles (kiri) dan Mohd Syamsul bersama piala kemenangan.